

Artikel

Mengukur Kompetensi Keusahawanan Mahasiswa: Analisis Terhadap Kemahiran Pengurusan, Kepimpinan dan Penyelesaian Masalah

(Assessing Entrepreneurial Competencies among University Students: An Analysis of Management, Leadership and Problem-Solving Skills)

Fauziah Ibrahim^{1*}, Azahah Abu Hassan Shaari¹, Nor Jana Saim¹, Ezarina Zakaria¹,
Hasnoor Shima Ahmad Hassan² & Sarmila Md Sum³

¹Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Pusat Kajian Bahasa & Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

³Pusat Kajian Pembangunan Sosial & Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: ifauziah@ukm.edu.my

Diserah: 1 Disember 2026 / Diterima: 15 Februari 2026

Abstrak: Kompetensi keusahawanan merupakan elemen penting dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, adaptif, dan berkeupayaan memenuhi keperluan pasaran kerja yang semakin dinamik dan mencabar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dengan memberi tumpuan kepada tiga kemahiran teras, iaitu kemahiran pengurusan, kepimpinan, dan penyelesaian masalah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan keratan lintang melibatkan seramai 418 orang mahasiswa di sebuah universiti awam di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa memiliki tahap kemahiran pengurusan (53.1%), kepimpinan (56%) dan penyelesaian masalah (51.9%) pada tahap sederhana hingga tinggi, mencerminkan potensi yang baik dalam pembentukan kompetensi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Implikasi kajian ini menekankan keperluan institusi pengajian tinggi untuk memperkukuh pembangunan kemahiran teras keusahawanan melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman seperti pembelajaran berasaskan projek, simulasi perniagaan dan penglibatan industri. Dari aspek sumbangan, kajian ini menyediakan bukti empirikal tentang profil kompetensi keusahawanan mahasiswa yang boleh dijadikan asas rujukan dalam penambahbaikan kurikulum, perancangan intervensi keusahawanan, serta penggubalan strategi pembangunan graduan yang lebih holistik dan berorientasikan keusahawanan.

Kata kunci: Kompetensi keusahawanan; pengurusan; kepimpinan; penyelesaian masalah; mahasiswa

Abstract: Entrepreneurial competence is a crucial element in producing graduates who are competitive, adaptive and capable of meeting the increasingly dynamic and challenging demands of the labour market. Accordingly, this study aims to measure the level of entrepreneurial competence among university students by focusing on three core skills, namely management, leadership and problem-solving skills. This study adopts a quantitative approach using a cross-sectional survey design. A total of 418 university students were selected as respondents. Data were collected through a structured questionnaire and analysed descriptively using IBM SPSS Statistics version 25. The findings indicate that the majority of students demonstrate moderate to high levels of management, leadership and problem-solving skills, reflecting strong potential for the development of entrepreneurial competence. The implications of this study highlight the need for higher education

institutions to strengthen the development of core entrepreneurial skills through experiential learning approaches such as project-based learning, business simulations and industry engagement. In terms of contribution, this study provides empirical evidence on the entrepreneurial competence profile of university students which can serve as a reference for curriculum enhancement the design of entrepreneurial interventions and the formulation of more holistic and entrepreneurship-oriented graduate development strategies.

Keywords: Entrepreneurial competence; management; leadership; problem solving; students

Pengenalan

Dalam era globalisasi dan persekitaran ekonomi yang semakin kompetitif, keusahawanan dilihat sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan dan pembangunan modal insan (Satar et al., 2025; Wan Nurul Fatimah & Sheerad, 2024). Kajian ke atas kompetensi keusahawanan menjadi semakin penting kerana ia merangkumi set kemahiran yang bukan sahaja mempengaruhi niat dan kesiapsiagaan mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan tetapi juga membentuk keterampilan mereka dalam kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah sebagai aspek teras kejayaan perniagaan (Chávez Vera et al., 2025). Keusahawanan pelajar dilihat penting dalam membentuk generasi muda yang bukan sahaja celik perniagaan tetapi juga prihatin terhadap isu sosial (Muhammad, et al., 2025).

Literatur terdahulu menunjukkan bahawa kompetensi pengurusan keusahawanan membantu mahasiswa merangka strategi perniagaan yang sistematik dan inovatif serta memperkukuhkan niat inovatif untuk memulakan perniagaan selepas tamat pengajian (Afandi & Azizan, 2024). Sementara itu, kepimpinan keusahawanan merupakan kemampuan untuk memimpin projek dan pasukan dalam konteks yang kompleks serta menyokong kejayaan perusahaan baharu melalui visi yang jelas, pengambilan risiko berhemah dan keupayaan membuat keputusan yang efektif (Magasi, 2025). Kemahiran penyelesaian masalah juga diiktiraf sebagai salah satu aspek kompetensi penting yang membolehkan mahasiswa menangani cabaran operasi dan pelbagai situasi tidak menentu dalam proses keusahawanan (Chávez Vera et al., 2025).

Walaupun kajian berkaitan kompetensi keusahawanan telah dijalankan di pelbagai konteks pendidikan tinggi, namun terdapat jurang pengetahuan tentang hubungan spesifik antara tiga dimensi kompetensi tersebut dalam kalangan mahasiswa. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis tahap kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah sebagai domain penting dalam kompetensi keusahawanan mahasiswa serta memberi sumbangan empirikal untuk memperkukuhkan pemahaman tentang pembangunan kompetensi tersebut dalam pendidikan keusahawanan.

Kemahiran pengurusan dalam kompetensi keusahawanan

Kemahiran pengurusan dalam konteks keusahawanan merujuk kepada keupayaan individu untuk merancang, menyusun, mengkoordinasi dan mengawal sumber organisasi bagi mencapai matlamat perniagaan secara berkesan. Dalam literatur keusahawanan, kemahiran ini dikenal pasti sebagai salah satu dimensi teras dalam kerangka kompetensi keusahawanan yang merangkumi aspek perancangan strategik, pengurusan operasi, pengurusan kewangan, pengurusan masa serta keupayaan membuat keputusan dalam persekitaran yang kompleks dan tidak menentu (Man, Lau, & Chan, 2002). Model kompetensi keusahawanan yang dibangunkan oleh Man et al. (2002) secara jelas meletakkan kemahiran pengurusan sebagai faktor utama yang menyumbang kepada keupayaan usahawan membina kelebihan daya saing dan kelangsungan perniagaan.

Berdasarkan perspektif pendidikan tinggi, penyelidikan menunjukkan bahawa pembangunan kemahiran pengurusan melalui pendidikan keusahawanan membolehkan mahasiswa menterjemahkan pengetahuan teori kepada aplikasi praktikal dalam situasi perniagaan sebenar. Mitchelmore dan Rowley (2010) menegaskan bahawa penguasaan kemahiran pengurusan meningkatkan kecekapan mahasiswa dalam merancang perniagaan, mengurus sumber secara strategik serta membuat keputusan yang lebih berinformasi, sekali gus menyokong pembentukan kompetensi keusahawanan yang holistik. Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh Mitchelmore dan Rowley (2013) yang mendapati bahawa kemahiran pengurusan mempunyai hubungan signifikan dengan keberkesanan pelaksanaan strategi perniagaan dan pencapaian pertumbuhan organisasi.

Selain itu, kajian oleh Mai, Hoang dan Thai (2024) menunjukkan bahawa kemahiran pengurusan secara konsisten dikenal pasti sebagai penggerak utama kepada prestasi perniagaan dan kejayaan organisasi dalam pelbagai konteks keusahawanan. Kajian tersebut menegaskan bahawa pengurusan bukan sekadar kemahiran teknikal tetapi merupakan keupayaan strategik yang mengintegrasikan perancangan, pelaksanaan dan penilaian prestasi dalam keseluruhan proses keusahawanan. Secara keseluruhannya, kajian tersebut secara konsisten menyokong bahawa kemahiran pengurusan dan keupayaan penyelesaian masalah memainkan peranan kritikal dalam membentuk usahawan yang berdaya tahan, adaptif dan berkeupayaan bersaing dalam persekitaran perniagaan yang dinamik dan tidak menentu (Renko et al., 2015).

Kepimpinan dalam kompetensi keusahawanan

Konsep kepemimpinan keusahawanan muncul hasil gabungan konsep terdahulu iaitu keusahawanan, orientasi keusahawanan, pengurusan dan kepemimpinan (Suraiya et al., 2021). Kepimpinan keusahawanan merujuk kepada keupayaan individu untuk memimpin diri sendiri dan orang lain dalam persekitaran yang dinamik dan tidak menentu dengan memberi tumpuan kepada pengiktirafan peluang, pengambilan risiko secara terancang, inovasi dan penciptaan nilai dalam perniagaan baharu atau organisasi sedia ada (Renko et al., 2015). Dalam konteks akademik, kepimpinan jenis ini bukan sekadar gaya pengurusan konvensional tetapi satu bentuk kepimpinan proaktif yang memotivasi kumpulan untuk meneroka, mengenal pasti dan mengeksploitasi peluang perniagaan secara sistematik (Renko et al., 2015). Motivasi merupakan faktor tarikan penting yang boleh mendorong seseorang individu untuk memulakan langkah untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan (Siti Noradilah, et al., 2023).

Renko et al. (2015) mendapati bahawa kepimpinan keusahawanan memberi impak signifikan terhadap proses pengiktirafan peluang dan prestasi inovasi kerana pemimpin yang berorientasikan keusahawanan bukan sahaja menyusun strategi tetapi juga memupuk kepercayaan dan keyakinan dalam pasukan untuk bertindak secara kreatif dan responsif terhadap cabaran persekitaran. Maklumat ini selari dengan kajian oleh Ataei, Karimi dan Zarei (2024) yang menyatakan bahawa kepimpinan keusahawanan mempengaruhi pengiktirafan peluang keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti dan seterusnya menyokong pembentukan sikap inovatif serta budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda. Dalam persekitaran organisasi, kebolehan pemimpin untuk menggabungkan visi strategik dengan motivasi interpersonal juga diperlihatkan sebagai elemen penting dalam mengerak inovasi dan prestasi secara berterusan (Newman, et al., 2018).

Kajian literatur juga menunjukkan bahawa kepimpinan keusahawanan berkait rapat dengan pengembangan budaya pembelajaran dan inovasi dalam organisasi di mana pemimpin yang efektif memupuk suasana kerja yang memberi ruang kepada eksperimen, perkongsian idea dan penyelesaian masalah secara kolektif, sekaligus memperkukuh elemen-elemen kompetensi keusahawanan lain seperti komunikasi, kerjasama dan adaptasi terhadap perubahan. Kajian oleh Shiferaw, Birbisa & Werke (2023) menyokong bahawa kepimpinan keusahawanan menyumbang kepada pembentukan pembelajaran dan budaya organisasi inovatif yang penting untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan strategi keusahawanan dalam pelbagai konteks. Dalam konteks pendidikan tinggi, penyelidikan juga menekankan bahawa pengalaman pembelajaran praktikal seperti pembelajaran berasaskan projek, latihan simulasi dan pengalaman lapangan memainkan peranan penting dalam mengembangkan kepimpinan keusahawanan mahasiswa. Model pembelajaran ini bukan sahaja membantu mahasiswa memahami konsep teori tetapi juga membina nilai keusahawanan, kebolehan membuat keputusan strategik, keberanian menghadapi risiko dan sifat proaktif yang diperlukan untuk bertindak sebagai usahawan kompeten selepas bergraduasi.

Penyelesaian masalah dalam kompetensi keusahawanan

Penyelesaian masalah merujuk kepada keupayaan untuk mengenal pasti isu, menilai pilihan alternatif, membuat keputusan yang wajar dan melaksanakan strategi penyelesaian dalam situasi yang kompleks serta berubah-ubah iaitu merujuk kepada suatu kemampuan yang penting dalam keusahawanan untuk menyesuaikan diri dengan cabaran persekitaran pasaran dan ketidaktentuan ekonomi. Kajian literatur terkini menegaskan bahawa kemahiran penyelesaian masalah merupakan komponen teras dalam rangka kompetensi pendidikan keusahawanan yang berkait rapat dengan kreativiti, keupayaan analitikal serta pengambilan risiko

yang berstrategi. Kemahiran ini bukan sahaja membolehkan individu mengenal pasti dan menganalisis isu secara sistematik tetapi juga merangka langkah penyelesaian yang efektif dalam menghadapi persekitaran perniagaan yang dinamik dan tidak menentu (Park & Kim, 2025). Dalam konteks pendidikan tinggi, penyelidikan lanjutan menunjukkan bahawa pendekatan pedagogi aktif seperti pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran kolaboratif dan pengalaman realistik memainkan peranan penting dalam memperkukuh kemahiran penyelesaian masalah mahasiswa. Sebagai contoh, kajian empirikal di *Shanghai University* mendapati bahawa pembelajaran berkolaboratif yang dirancang secara terstruktur mampu meningkatkan kebolehan pelajar dalam berfikir secara kreatif dan menyelesaikan masalah dengan ketara secara statistik terutamanya apabila aktiviti pembelajaran difokuskan kepada penyelesaian masalah sebenar dalam konteks dunia nyata (Li & Yu, 2025).

Penggabungan aktiviti keusahawanan dalam pendidikan STEM secara signifikan memperkukuh kebolehan mahasiswa untuk mengenal pasti peluang perniagaan, melakukan analisis kritikal dan merangka penyelesaian inovatif terhadap masalah sebenar, sejajar dengan standard kompetensi keusahawanan kontemporari (Kaya Capocci et al., 2025). Literatur terkini juga menekankan bahawa kemahiran penyelesaian masalah bukan sahaja berkaitan dengan aspek kognitif tetapi juga bersifat kontekstual dan pragmatik di mana individu perlu mengurus risiko, menapis maklumat yang bertaburan dan membuat keputusan dalam kekangan masa dan sumber. Kajian terkini tentang kompetensi keusahawanan memberikan kerangka yang menunjukkan bahawa kemahiran ini adalah sebahagian daripada set kompetensi multidimensi yang diperlukan oleh graduan untuk bersaing dalam ekosistem perniagaan yang dinamik (Park & Kim, 2025).

Dalam persekitaran akademik hari ini, integrasi aktiviti seperti kajian kes, projek lapangan, simulasi perniagaan dan tugas berasaskan masalah telah terbukti membantu mahasiswa mengasah kemahiran penyelesaian masalah dalam konteks yang realistik. Ini bukan sahaja meningkatkan kompetensi individu secara langsung tetapi juga menyokong pembentukan daya saing, inovasi dan produktiviti dalam kerjaya keusahawanan mereka selepas menamatkan pengajian, selaras dengan tuntutan pasaran kerja global yang semakin kompetitif.

Memandangkan kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah merupakan elemen penting dan menjadi teras dalam bidang keusahawanan, maka objektif kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengukur tahap kompetensi keusahawanan mahasiswa universiti berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut iaitu kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah. Penekanan terhadap pembangunan kemahiran ini diharapkan dapat membentuk asas kompetensi keusahawanan yang kukuh sekali gus meningkatkan keupayaan mahasiswa untuk bersaing, berinovasi dan menyesuaikan diri secara berkesan dalam persekitaran keusahawanan yang semakin dinamik dan kompetitif. Secara tidak langsung, usaha ini menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4 iaitu Pendidikan Berkualiti melalui pemeraksanaan kemahiran relevan abad ke-21 serta SDG 8 iaitu Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi dengan melahirkan graduan berdaya saing yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan.

Metodologi

Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan rekabentuk tinjauan keratan lintang (*cross-sectional survey*) secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah pengutipan data melalui pengedaran borang soal selidik. Menurut Wang & Cheng (2020) reka bentuk keratan-lintang sebagai kajian pemerhatian di mana data dikumpulkan sekali sahaja pada satu titik masa untuk merakam keadaan semasa pembolehubah dan hubungan antara pembolehubah tanpa manipulasi. Kajian ini telah dilaksanakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi yang menempatkan mahasiswa FSSK yang terlibat dalam kajian.

Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan yang ditetapkan. Sebelum pengumpulan data dijalankan, kebenaran telah diperoleh daripada pihak institusi yang berkaitan. Responden telah dimaklumkan mengenai tujuan kajian, prosedur pelaksanaan serta hak mereka sebagai peserta kajian

melalui borang persetujuan dimaklumkan (informed consent). Penyertaan adalah secara sukarela dan responden berhak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi.

Populasi dan sampel

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Menurut Bahagian Prasiswazah FSSK, jumlah populasi semasa mahasiswa di enam pusat kajian sehingga tahun 2024 adalah seramai 1934 orang. Penentuan saiz sampel dalam kajian ini dibuat berdasarkan jadual persampelan yang disediakan oleh Cohen, Manion, dan Morrison (2011) dengan mengambil kira aras kesignifikanan $p < .05$ (tahap keertian 95%). Menurut jadual tersebut, bagi populasi seramai 1,934 orang dan aras kesignifikanan .05, bilangan responden yang disyorkan ialah 322 orang. Bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data, penyelidik meningkatkan saiz sampel kepada 418 orang bertujuan menampung kemungkinan keciciran data atau kesilapan pengisian borang soal selidik oleh responden. Selain itu, penggunaan saiz sampel yang lebih besar dapat meningkatkan ketepatan statistik kajian, mengurangkan kesilapan dalam keputusan dan memperkukuh kebolehpercayaan inferens kajian. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip metodologi kuantitatif yang menekankan bahawa saiz sampel yang mencukupi adalah kritikal untuk menghasilkan keputusan kajian yang boleh digeneralisasikan.

Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpul data bagi mengenal pasti tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Instrumen kajian ini diadaptasi daripada soal selidik yang dibangunkan oleh Fauziah et al. (2023), yang direka bentuk khusus untuk menilai aspek kompetensi keusahawanan yang merangkumi aspek kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah. Instrumen ini dibina berdasarkan kajian empirikal terdahulu serta disokong oleh teori pembangunan kemahiran keusahawanan, sekali gus memastikan kesahan dan kebolehpercayaannya dalam mengukur konstruk yang dikaji.

Bahagian A merupakan Skala Kemahiran Pengurusan yang mengandungi enam item soalan bagi mengukur tahap keupayaan mahasiswa dalam mengurus tugas, masa, sumber dan tanggungjawab secara sistematik. Skala ini menilai sejauh mana pelajar mampu merancang, menyusun, dan melaksanakan aktiviti berkaitan keusahawanan dengan berkesan. Skala ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Cronbach's Alpha sebanyak 0.919, sekali gus membuktikan konsistensi dalaman item-item yang digunakan.

Bahagian B pula merupakan Skala Kemahiran Kepimpinan yang mengandungi lapan item soalan yang bertujuan mengukur kebolehan mahasiswa dalam memimpin, mempengaruhi dan bekerjasama dengan orang lain dalam konteks keusahawanan. Skala ini merangkumi aspek seperti keupayaan membuat keputusan, komunikasi interpersonal serta pengurusan pasukan. Nilai kebolehpercayaan skala ini adalah sangat tinggi, iaitu 0.948, menunjukkan tahap kestabilan dan ketepatan pengukuran yang sangat baik.

Bahagian C ialah Skala Penyelesaian Masalah yang mengandungi tujuh item soalan untuk menilai keupayaan mahasiswa dalam mengenal pasti masalah, menganalisis situasi dan menghasilkan penyelesaian yang kreatif serta berkesan dalam aktiviti keusahawanan. Skala ini menekankan kemahiran berfikir secara kritis dan reflektif dalam menghadapi cabaran perniagaan. Skala ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu 0.935, iaitu menunjukkan item-itemnya konsisten dalam mengukur konstruk penyelesaian masalah.

Kesemua item dalam Bahagian A hingga C menggunakan skala Likert empat mata, iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Setuju, dan (4) Sangat Setuju. Penggunaan skala empat mata ini bertujuan untuk menggalakkan responden membuat pilihan yang jelas tanpa kecenderungan memilih jawapan neutral. Data yang diperoleh melalui soal selidik ini dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif bagi mengenal pasti tahap kompetensi keusahawanan mahasiswa berdasarkan aspek kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah.

Analisis data

Data kajian telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) for Windows. Analisis deskriptif digunakan bagi menerangkan profil dan tahap kompetensi keusahawanan responden berdasarkan aspek kemahiran pengurusan, kepimpinan, dan penyelesaian masalah. Unit analisis deskriptif yang digunakan dalam kajian ini merangkumi kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai. Kekerapan dan peratusan digunakan untuk menerangkan latar belakang responden, manakala nilai min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap setiap konstruk yang dikaji. Interpretasi skor min dilakukan bagi mengenal pasti tahap kompetensi keusahawanan sama ada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi dalam kalangan mahasiswa.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian ini melibatkan seramai 418 orang mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di enam pusat kajian di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Dari segi pengagihan program pengajian, majoriti responden terdiri daripada mahasiswa Program Linguistik (17.9%), diikuti Program Kerja Sosial (15.3%), Program Sejarah (13.6%) dan Program Psikologi (13.2%). Selebihnya adalah mahasiswa daripada Program Sains Politik (8.6%), Bahasa Melayu (6.9%), Persuratan Melayu dan Bahasa Inggeris (6.0%), Sains Pembangunan (5.7%), Komunikasi Media (5.3%), serta Antropologi dan Sosiologi (1.4%).

Dari aspek demografi, majoriti responden berumur antara 21 hingga 23 tahun (79%), berbangsa Melayu (88%), dan terdiri daripada mahasiswa perempuan (80.9%). Hampir keseluruhan responden masih bujang dan belum berkahwin (98.9%). Dari segi latar belakang kemasukan universiti, sebahagian besar mahasiswa melanjutkan pengajian ke FSSK melalui kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Matrikulasi (68.2%), serta memiliki Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) semasa yang tinggi, iaitu 3.00 dan ke atas. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa FSSK yang terlibat dalam kajian ini berasal daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah (B40), dengan pendapatan keluarga kurang daripada RM4,850 sebulan (67.9%).

Analisis tahap kompetensi keusahawanan mahasiswa

Jadual 1 menunjukkan taburan tahap kompetensi keusahawanan mahasiswa berdasarkan tiga dimensi utama, iaitu kemahiran pengurusan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran penyelesaian masalah yang dikategorikan kepada tahap rendah, sederhana dan tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa majoriti mahasiswa berada pada tahap sederhana dan tinggi bagi ketiga-tiga kemahiran, manakala peratusan pada tahap rendah adalah sangat minimum.

Jadual 1. Peratus tahap kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah dalam kalangan mahasiswa

	Rendah	Sederhana	Tinggi
Kemahiran Pengurusan	1.9	53.1	45
Kemahiran Kepimpinan	4.4	56	39.6
Kemahiran Penyelesaian Masalah	0.5	51.9	47.6

Analisis tahap kemahiran pengurusan

Berdasarkan hasil kajian kemahiran pengurusan, seramai 53.1% mahasiswa berada pada tahap sederhana, diikuti 45.0% pada tahap tinggi dan hanya 1.9% berada pada tahap rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa telah memiliki asas kemahiran pengurusan yang memadai seperti keupayaan merancang, mengurus dan menyelaras tugas, namun masih terdapat ruang untuk memperkukuh kemahiran ini ke tahap yang lebih tinggi melalui latihan dan pengalaman praktikal. Selari dengan kerangka kompetensi keusahawanan yang dikemukakan oleh Man, Lau dan Chan (2002), kemahiran pengurusan merupakan dimensi teras yang merangkumi keupayaan merancang, menyusun, mengkoordinasi dan mengawal sumber organisasi bagi mencapai matlamat perniagaan secara berkesan. Dominasi tahap sederhana dalam dapatan

kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa berupaya melaksanakan fungsi pengurusan asas, seperti perancangan tugas dan pengurusan masa, namun mungkin masih menghadapi kekangan dalam aspek yang lebih kompleks seperti pengurusan strategik, pengurusan kewangan dan pembuatan keputusan dalam persekitaran yang tidak menentu. Hal ini mengukuhkan hujah Man et al. (2002) bahawa kemahiran pengurusan perlu dibangunkan secara berterusan untuk membolehkan individu membina kelebihan daya saing dan menjamin kelangsungan usaha niaga.

Berdasarkan perspektif pendidikan tinggi, dapatan kajian ini menyokong pandangan Mitchelmore dan Rowley (2010) yang menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting dalam membolehkan mahasiswa menterjemahkan pengetahuan teori kepada aplikasi praktikal. Walaupun majoriti mahasiswa berada pada tahap sederhana, peratusan yang agak tinggi pada tahap ini menunjukkan bahawa pendedahan sedia ada melalui kurikulum universiti telah memberi kesan positif terhadap pembangunan kemahiran pengurusan. Namun demikian, dapatan ini juga mencadangkan bahawa pendekatan pengajaran yang lebih berasaskan pengalaman seperti pembelajaran berasaskan projek, simulasi perniagaan dan latihan industri adalah penting bagi meningkatkan penguasaan kemahiran pengurusan ke tahap yang lebih tinggi.

Dapatan kajian ini sejajar dengan teori kompetensi keusahawanan yang menekankan bahawa kemahiran pengurusan adalah elemen kritikal dalam pembentukan kemampuan keusahawanan (Man & Lau, 2005). Tahap penguasaan sederhana menunjukkan bahawa asas kemahiran telah dibangunkan namun penambahbaikan secara strategik masih diperlukan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Renko et al. (2015), pengukuhan kemahiran pengurusan dan keupayaan penyelesaian masalah adalah penting untuk melahirkan usahawan yang berdaya tahan, adaptif dan mampu bersaing dalam persekitaran perniagaan yang dinamik dan tidak menentu.

Analisis tahap kemahiran kepimpinan

Berdasarkan aspek kemahiran kepimpinan, hasil kajian menunjukkan 56.0% mahasiswa berada pada tahap sederhana, 39.6% pada tahap tinggi, manakala 4.4% berada pada tahap rendah. Pola ini mencerminkan bahawa walaupun majoriti mahasiswa mempunyai tahap kepimpinan yang sederhana, peratusan pada tahap tinggi adalah lebih rendah berbanding kemahiran pengurusan dan penyelesaian masalah. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh elemen pembangunan kepimpinan, khususnya melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman, aktiviti berkumpulan dan projek keusahawanan.

Corak dapatan ini selari dengan definisi kepimpinan keusahawanan yang dikemukakan oleh Renko et al. (2015), iaitu keupayaan individu untuk bertindak secara proaktif dalam persekitaran yang dinamik melalui pengiktirafan peluang, inovasi serta pengambilan risiko secara terancang. Tahap penguasaan yang sederhana hingga tinggi ini menunjukkan bahawa mahasiswa berpotensi memainkan peranan sebagai pemimpin yang responsif terhadap perubahan dan cabaran persekitaran perniagaan. Selari dengan kajian Renko et al. (2015), dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa kepimpinan keusahawanan memberi impak signifikan terhadap proses pengiktirafan peluang dan prestasi inovasi. Mahasiswa yang memiliki kemahiran kepimpinan keusahawanan yang baik bukan sahaja berupaya menyusun strategi, malah mampu membina keyakinan dan kepercayaan dalam kumpulan untuk meneroka idea baharu serta bertindak secara kreatif. Hal ini penting dalam konteks keusahawanan yang menuntut kebolehan membuat keputusan pantas dan beradaptasi dengan ketidaktentuan persekitaran.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menyokong penemuan Ataei, Karimi dan Zarei (2024) yang mendapati bahawa kepimpinan keusahawanan mempengaruhi pengiktirafan peluang keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti serta menyumbang kepada pembentukan sikap inovatif dan budaya keusahawanan. Kehadiran peratusan yang ketara pada tahap sederhana menunjukkan bahawa walaupun asas kepimpinan telah dibentuk, usaha pengukuhan melalui pendekatan pembelajaran yang lebih berorientasikan pengalaman masih diperlukan bagi meningkatkan penguasaan kemahiran ini ke tahap yang lebih tinggi. Dapatan kajian ini sejajar dengan teori kompetensi keusahawanan yang menekankan kepimpinan sebagai salah satu komponen utama dalam pembentukan kemahiran keusahawanan (Man & Lau, 2005). Tahap penguasaan kepimpinan yang sederhana hingga tinggi menunjukkan potensi mahasiswa untuk berfungsi sebagai usahawan berdaya saing. Namun, penemuan ini turut menegaskan kepentingan teori pembelajaran berasaskan pengalaman di mana

pendekatan seperti pembelajaran berasaskan projek, simulasi dan pengalaman lapangan dapat memperkukuh kemahiran kepimpinan, inovasi dan keupayaan mahasiswa menghadapi cabaran dunia keusahawanan selepas bergraduasi.

Analisis tahap kemahiran penyelesaian masalah

Berdasarkan maklumat kemahiran penyelesaian masalah, dapatan kajian menunjukkan pola yang lebih positif, apabila 47.6% mahasiswa berada pada tahap tinggi dan 51.9% pada tahap sederhana dengan hanya 0.5% berada pada tahap rendah. Ini menandakan bahawa kemahiran penyelesaian masalah merupakan kekuatan relatif dalam kalangan mahasiswa, berkemungkinan hasil daripada pendedahan kepada tugas akademik berbentuk kajian kes, projek dan pembelajaran berasaskan masalah yang menuntut pemikiran kritis serta analitikal. Selain itu juga, hasil kajian ini mencerminkan kepentingan kemahiran penyelesaian masalah sebagai salah satu kompetensi teras dalam keusahawanan khususnya dalam menghadapi persekitaran pasaran yang dinamik serta ketidaktentuan ekonomi. Selari dengan pandangan Park dan Kim (2025), kemahiran penyelesaian masalah bukan sahaja melibatkan proses kognitif analitikal, malah berkait rapat dengan kreativiti, pertimbangan risiko yang berhemah dan keupayaan membuat keputusan strategik dalam situasi yang berubah-ubah.

Tahap penguasaan sederhana yang dominan dalam kalangan sebahagian mahasiswa menunjukkan bahawa walaupun asas kemahiran penyelesaian masalah telah terbentuk, namun masih terdapat ruang untuk pengukuhan yang lebih sistematik melalui pendekatan pembelajaran yang berorientasikan pengalaman. Dapatan ini menyokong literatur pendidikan keusahawanan yang menekankan keberkesanan pedagogi aktif seperti pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran kolaboratif dalam memperkukuh kemahiran ini. Kajian empirikal oleh Li dan Yu (2025) membuktikan bahawa pembelajaran kolaboratif yang dirancang secara terstruktur dan berfokus kepada penyelesaian masalah dunia sebenar mampu meningkatkan pemikiran kreatif dan keupayaan penyelesaian masalah pelajar secara signifikan. Selain itu, integrasi elemen keusahawanan dalam pendidikan STEM turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam membangunkan kemahiran penyelesaian masalah yang lebih kontekstual dan pragmatik. Kajian yang dijalankan oleh Kaya Capocci et al. (2025) menunjukkan bahawa pendekatan ini membantu mahasiswa mengenal pasti peluang, menjalankan analisis kritikal dan menghasilkan penyelesaian inovatif terhadap masalah autentik, sejajar dengan keperluan kompetensi keusahawanan kontemporari.

Dapatan kajian ini sejajar dengan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Kolb, 1984) yang menekankan bahawa kemahiran seperti penyelesaian masalah dan membuat keputusan lebih berkesan dibangunkan melalui pengalaman pembelajaran yang praktikal dan realistik. Aktiviti seperti projek berasaskan industri, simulasi perniagaan dan latihan lapangan membolehkan mahasiswa mengaplikasikan teori dalam situasi sebenar, sekaligus meningkatkan kebolehan mereka untuk menghadapi ketidakpastian. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan kemahiran teknikal dan kognitif tetapi juga membina daya tahan, kreativiti dan sikap adaptif yang kritikal dalam persekitaran keusahawanan yang dinamik (Fauziah, et al., 2025). Justeru, penekanan kepada pengalaman pembelajaran yang berasaskan situasi sebenar adalah penting bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga berkemahiran, bersedia bersaing dan mampu menyesuaikan diri dengan cabaran dunia keusahawanan selepas tamat pengajian.

Cadangan dan Implikasi Kajian

Berdasarkan dapatan kajian bahawa tahap kompetensi mahasiswa dalam kemahiran pengurusan, kepimpinan, dan penyelesaian masalah berada pada tahap sederhana hingga tinggi, kajian ini menegaskan bahawa usaha pembangunan kompetensi keusahawanan perlu dilakukan secara lebih bersepadu, sistematik dan berorientasikan pengalaman sebenar. Walaupun asas kemahiran telah dibina, tahap penguasaan yang sederhana menandakan perlunya intervensi pendidikan yang lebih strategik dan berterusan agar mahasiswa bukan sahaja memahami teori tetapi mampu mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam situasi dunia nyata. Kurikulum keusahawanan disarankan untuk menekankan pembelajaran berasaskan projek, simulasi perniagaan, pembelajaran berasaskan masalah serta penglibatan aktif dengan industri dan komuniti. Pendekatan ini membolehkan mahasiswa menghadapi cabaran sebenar dalam persekitaran perniagaan,

membina daya tahan, kreativiti, inovasi dan kebolehan membuat keputusan strategik serta meningkatkan keyakinan mereka dalam menghadapi ketidakpastian. Aktiviti ko-kurikulum dan kerjasama kreatif bersama pemain industri pula boleh dijadikan platform latihan praktikal bagi kepimpinan dan pengurusan risiko, membolehkan mahasiswa mempraktikkan strategi, mengurus konflik dan membuat keputusan penting dalam konteks yang realistik.

Selain itu, kajian ini menekankan pentingnya pengukuhan kemahiran penyelesaian masalah melalui pengalaman pembelajaran yang lebih praktikal. Dengan menghadapi situasi sebenar melalui projek, simulasi dan pengalaman lapangan, mahasiswa dapat membangunkan kemampuan analisis, kreativiti dan inovasi dalam menyelesaikan masalah kompleks sekali gus menjadikan mereka graduan yang adaptif dan bersedia menghadapi cabaran keusahawanan pasca-graduasi. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak fakulti dan universiti melaksanakan penilaian berterusan berasaskan kompetensi dan hasil pembelajaran, bagi memastikan intervensi pendidikan selaras dengan keperluan ekosistem keusahawanan semasa. Penekanan kepada penilaian kompetensi bukan sahaja mengukur pencapaian pembelajaran tetapi juga membimbing mahasiswa untuk terus memperbaiki kemahiran mereka secara berterusan, sekaligus melahirkan usahawan yang berkemahiran, inovatif dan berdaya tahan.

Pelaksanaan cadangan ini membawa beberapa implikasi penting. Pertama, ia memberi peluang kepada institusi pengajian tinggi untuk membentuk model pembangunan kompetensi keusahawanan yang holistik dan berkesan di mana aspek pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah dibangunkan secara serentak dan bersepadu. Kedua, mahasiswa yang melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman akan lebih bersedia untuk menghadapi persekitaran perniagaan yang dinamik, tidak menentu dan kompetitif kerana mereka telah didedahkan dengan cabaran sebenar dalam konteks industri dan komuniti. Ketiga, pelaksanaan cadangan ini dapat memperkukuh hubungan universiti-industri-komuniti di mana penglibatan pihak industri dan komuniti bukan sahaja memberikan pengalaman praktikal kepada mahasiswa tetapi juga membuka peluang jaringan profesional dan kolaborasi strategik. Ini seterusnya membantu mahasiswa mengembangkan kemahiran interpersonal, keupayaan berkolaborasi dan kemahiran membuat keputusan kritikal yang sangat diperlukan dalam keusahawanan moden.

Keempat, cadangan ini menyumbang kepada pembentukan graduan yang berdaya saing, adaptif, kreatif dan mampu mencipta nilai mampan kepada masyarakat dan ekonomi negara. Graduan yang berkemahiran dalam pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah bukan sahaja bersedia untuk memulakan perniagaan sendiri tetapi juga mampu menyumbang kepada organisasi atau komuniti melalui pendekatan inovatif dan berkesan. Dengan ini, pendidikan keusahawanan bukan sahaja membangunkan pengetahuan akademik tetapi juga mempersiapkan mahasiswa untuk menjadi agen perubahan yang mampu menghadapi cabaran global, mengambil peluang perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara berterusan. Akhir sekali, kajian ini menegaskan bahawa pendekatan berasaskan pengalaman adalah kunci dalam pembangunan kompetensi keusahawanan. Ia menekankan bahawa pembelajaran yang bersifat teori sahaja tidak mencukupi untuk membina graduan yang kompeten. Sebaliknya, pengalaman praktikal, refleksi kritikal dan penglibatan aktif dengan persekitaran industri dan komuniti adalah strategi utama untuk memastikan mahasiswa memiliki kemahiran, keyakinan dan daya tahan yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia keusahawanan yang sebenar. Oleh itu, pendidikan keusahawanan yang dirancang dengan teliti dan bersepadu akan menghasilkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga berkemahiran tinggi, adaptif, inovatif dan mampu memberi impak positif kepada masyarakat dan ekonomi negara.

Kesimpulan

Kajian ini memberikan gambaran empirikal yang jelas tentang tahap kompetensi keusahawanan mahasiswa berdasarkan tiga dimensi utama iaitu kemahiran pengurusan, kepimpinan dan penyelesaian masalah yang dikenal pasti sebagai teras kepada pembentukan usahawan yang berdaya saing dalam persekitaran perniagaan yang dinamik dan tidak menentu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya mahasiswa memiliki tahap kompetensi yang sederhana hingga tinggi bagi ketiga-tiga aspek tersebut, mencerminkan keberkesanan asas pendidikan keusahawanan yang diterima, namun pada masa yang sama menandakan keperluan untuk pengukuhan yang lebih berfokus dan berterusan. Kemahiran pengurusan memainkan peranan

penting dalam menyokong keupayaan mahasiswa merancang, mengurus sumber dan membuat keputusan strategik, manakala kepimpinan keusahawanan menyumbang kepada keupayaan mempengaruhi, memotivasi dan mencipta nilai melalui inovasi.

Kemahiran penyelesaian masalah pula muncul sebagai elemen kritikal yang membolehkan mahasiswa menyesuaikan diri dengan cabaran kompleks serta merangka penyelesaian yang berkesan dalam konteks keusahawanan sebenar. Sehubungan itu, kajian ini menegaskan bahawa pembangunan kompetensi keusahawanan tidak boleh bergantung kepada pendekatan teori semata-mata, sebaliknya memerlukan strategi pedagogi yang berorientasikan pengalaman, kontekstual dan bersepadu bagi memastikan ketiga-tiga kemahiran ini dapat dibangunkan secara holistik. Implikasi kajian ini memberi sumbangan penting kepada bidang pendidikan keusahawanan dengan menyediakan bukti empirikal yang menyokong keperluan penambahbaikan kurikulum dan amalan pengajaran di peringkat pengajian tinggi. Secara keseluruhan, kajian ini menyokong aspirasi pembangunan mampan dengan menyumbang kepada SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) melalui pengukuhan kompetensi graduan, SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) melalui pembangunan keusahawanan serta SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur) melalui pembentukan modal insan yang inovatif dan berdaya tahan.

Penghargaan: Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM melalui Geran Kecil Penyelidikan (GKP), kod penyelidikan GKP-2024-010. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM yang telah menjayakan kajian.

Konflik Kepentingan: Penulis mengaku tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Afandi, N. A., & Azizan, A. Z. (2024). Hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dengan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *Research in Management of Technology and Business*, 5(1), 527–542.
- Ataei, P., Karimi, H., & Zarei, R. (2024). The role of entrepreneurial leadership, intellectual capital, innovativeness culture, and entrepreneurial orientation in entrepreneurial opportunity recognition by students. *Journal of Innovation & Technology Management*, 10(2), 100265. <https://doi.org/10.1016/j.joitmc.2024.100265>
- Fauziah, I., Ezarina, Z., Nor Jana, S., Sarmila, M. S. & Hasnoor Shima, A. H. (2025). Profil Pengalaman Keusahawanan dan Faktor Mempengaruhi Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. *Akademika*, 95(2), 2025: 99-115
- Fauziah, I., Ezarina, Z., Nor Jana, S., Wan Shahrazad, W.S & Mohammad Rahim, K. (2023). *Laporan Akhir FRGS*. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Li, S., & Yu, S. (2025). Transforming higher education for the knowledge economy: Enhancing creative thinking and problem-solving skills through collaborative learning. *Thinking Skills and Creativity*, 57, Article 101853. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2025.101853>
- Laydes, M., Vásquez, M., Cruz-Tarrillo, J., & Diaz, R. A. (2024). Business education, innovation skills as predictors of entrepreneurial self-efficacy in university students. *Journal of Business Economics and Management*, 25(4), 612–627. <https://doi.org/10.3846/jbem.2024.21689>
- Kaya-Capocci, S., Pabuccu-Akis, A., & Orhan-Ozteber, N. (2025). Entrepreneurial STEM education: Enhancing students' resourcefulness and problem-solving skills. *Research in Science Education*, 55, 103–134. <https://doi.org/10.1007/s11165-024-10189-y>
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Prentice-Hall.
- Magasi, C. (2025). Cultivating future graduate entrepreneurs: A holistic perspective on entrepreneurial competencies. *SEISENSE Journal of Management*, 8(1), 76–97.

- Man, T. W. Y., Lau, T., & Chan, K. F. (2002). The competitiveness of small and medium enterprises: A conceptualization with focus on entrepreneurial competencies. *Journal of Business Venturing*, 17(2), 123–142. [https://doi.org/10.1016/S0883-9026\(00\)00058-6](https://doi.org/10.1016/S0883-9026(00)00058-6)
- Man, T. W. Y., & Lau, T. (2005). The Context of Entrepreneurship in Hong Kong: An Investigation Through the Patterns of Entrepreneurial Competencies in Contrasting Industrial Environments. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 12(4), 464–481.
- Mai, K. N., Hoang, Q. H. T., & Thai, Q. H. T. (2024). Entrepreneurial competencies: A systematic literature review. *Journal of International Entrepreneurship*, 23, 54–130. <https://doi.org/10.1007/s10843-024-00356-7>
- Mitchelmore, S., & Rowley, J. (2010). Entrepreneurial competencies: A literature review and development agenda. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 16(2), 92–111. <https://doi.org/10.1108/13552551011026995>
- Mitchelmore, S., & Rowley, J. (2013). Entrepreneurial competencies of women entrepreneurs pursuing business growth. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 20(1), 125–142. <https://doi.org/10.1108/14626001311298448>
- Muhammad, K.J., Nayli Adilla, M.F., Aqilah, M.F & Nor Jana, S. (2025). Impak Penglibatan Pelajar sebagai Ejen Perubahan dalam Aktiviti Keusahawanan Sosial: Kajian Kes di AbleLink Solusi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 9(3), 87-105
- Newman, A., Tse, H. H. M., Schwarz, G., & Nielsen, I. (2018). *The effects of employees' creative self-efficacy on innovative behavior: The role of entrepreneurial leadership*. *Journal of Business Research*, 86, 1–11. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2018.04.001>
- Pedroza, J. D & Salayandia, K. V. (2025). Entrepreneurial competencies in higher education: A literature review, *Ingente Americana*, 5(5), 1-10
- Park, J.-H., & Kim, S.-J. (2025). Entrepreneurial competencies in the era of digital transformation: A systematic literature review. *Digital*, 5(4), 46. <https://doi.org/10.3390/digital5040046>
- Renko, M., El Tarabishy, A., Carsrud, A. L., & Brännback, M. (2015). Understanding and measuring entrepreneurial leadership style. *Journal of Small Business Management*, 53(1), 54–74. <https://doi.org/10.1111/jsbm.12086>
- Renko, M., Kroeck, K. G., & Bullough, A. (2012). Expectancy Theory and Nascent Entrepreneurship. *Small Business Economics*, 39(3), 667–684.
- Satar, M. S., Alharthi, S., Omeish, F., Alshibani, S. M & Saqib, N. (2024). Digital Learning Orientation and Entrepreneurial Competencies in Graduates: Is Blended Learning Sustainable. *Sustainability*, 16(17), 1-21
- Shiferaw, R. M., Birbirs, Z. A., & Werke, S. Z. (2023). *Entrepreneurial leadership, learning organization and organizational culture relationship: A systematic literature review*. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 12(38). <https://doi.org/10.1186/s13731-023-00305-z>
- Suraiya Ishak, Ahmad Rafli Che Omar & Azima Abdul Manaf. (2021). Entrepreneurial leadership in the micro and small enterprises (MSEs) research context: a literature review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(5), 397-40
- Siti Noradilah Z., Fauziah, I., Ezarina, Z., Wan Shahrazad, W.S., Mohammad Rahim, K. & Sheerad, S. (2023). Hubungan Antara Motivasi dan Kemahiran Keusahawanan dalam kalangan Banduan Parol di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002479. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2479>
- Wang, X., & Cheng, Z. (2020). *Cross-sectional studies: Strengths, weaknesses, and recommendations*. *Chest*, 158(1S), S65–S71
- Wan Nurul Fatimah, W. H. & Sheerad, S. (2024). Penggunaan Media Sosial Dan Kesedaran Keusahawanan Terhadap Peluang Keusahawanan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Kelantan. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 6(20), 01-18.